

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam **1200, Rabu, 12 September 2024**



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

AKAUN SATELIT PELANCONGAN 2023

Pelancongan di Malaysia menjana RM154.5 bilion dengan sumbangan sebanyak 15.1 peratus kepada ekonomi pada tahun 2023

PUTRAJAYA, 12 SEPTEMBER 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **AKAUN SATELIT PELANCONGAN 2023**. Akaun Satelit Pelancongan (ASP) adalah berdasarkan rangka kerja *System of National Accounts* untuk mengukur perkembangan industri pelancongan dan sumbangannya kepada ekonomi di Malaysia.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Industri pelancongan di Malaysia berjumlah RM275.8 bilion pada tahun 2023 dengan menyumbang 15.1 peratus kepada KDNK berbanding 13.9 peratus pada tahun sebelumnya. Dari segi pertumbuhan, industri pelancongan berkembang lagi sebanyak 10.3 peratus berbanding 26.0 peratus pada tahun 2022. Pertumbuhan ini disokong oleh semua aktiviti ekonomi terutamanya perdagangan runcit, perkhidmatan khusus bercirikan pelancongan negara seperti spa dan MICE; dan perkhidmatan penyediaan makanan & minuman. Namun begitu, aktiviti ekonomi seperti perkhidmatan penginapan, perkhidmatan kebudayaan, sukan dan rekreasi serta perkhidmatan agensi pengembaraan dan penempahan lain kekal di bawah paras pra-pandemik 2019."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, "Prestasi memberangsangkan industri pelancongan Malaysia pada tahun 2023 dipengaruhi oleh permintaan yang lebih kukuh daripada perbelanjaan pelancongan *internal* yang terdiri perbelanjaan *inbound* dan domestik. Perbelanjaan *internal* mencatatkan RM154.5 bilion (2022: RM93.0 bilion), dengan pertumbuhan sebanyak 66.1 peratus pada tahun 2023. Prestasi perbelanjaan pelancongan *internal* ini didorong oleh perbelanjaan pelancongan *inbound* diikuti oleh perbelanjaan pelancongan domestik. Perbelanjaan pelancongan *inbound* dan domestik masing-masing menyumbang 49.1 peratus dan 50.9 peratus.

Perbelanjaan pelancongan *inbound* di Malaysia meningkat dengan kukuh sebanyak 124.3 peratus berjumlah RM75.8 bilion pada tahun 2023, berbanding RM33.8 bilion pada tahun sebelumnya. Perbelanjaan pelancongan domestik berkembang sebanyak 32.9 peratus dengan nilai RM78.7 bilion pada tahun 2023 (2022: RM59.2 bilion).


Dari segi guna tenaga, industri pelancongan menyediakan pekerjaan seramai 3.4 juta orang atau peningkatan sebanyak 4.9 peratus pada tahun 2023 (2022: 3.2 juta). Pekerjaan dalam industri pelancongan didominasi oleh perdagangan runcit, makanan & minuman, dan perkhidmatan khusus bercirikan pelancongan negara. Oleh itu, pekerjaan dalam sektor pelancongan menyumbang 21.4 peratus daripada jumlah keseluruhan pekerjaan di Malaysia.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

SOROTAN PRESTASI PELANCONGAN 2023



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
12 SEPTEMBER 2024